

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 8 / 11 / 2008

Dr. Mahathir gembira Abdul Aziz dibebaskan

KUALA LUMPUR 7 Nov. – Tun Dr. Mahathir Mohamad gembira dengan keputusan mahkamah membebaskan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Abdul Aziz Muhammad daripada tuduhan melakukan pecah amanah dan menipu melibatkan RM9 juta.

Dalam tulisan terbaru beliau melalui laman blog *www.chedet.com*, bekas perdana menteri itu berkata beliau mengenali Dr. Abdul Aziz sebagai pegawai yang baik dan amat teliti dalam melaksanakan tugasnya.

“Saya masih ingat betapa terkejutnya saya apabila pegawai kerajaan yang amat saya kenali itu disabitkan kesalahan pecah amanah dan sebagainya. Saya tahu beliau seorang pegawai yang baik dan amat teliti

UM - 8/11/2008
apabila membuat sesuatu kerja,” katanya.

Semalam, Dr. Abdul Aziz, 64, dilepaskan daripada tuduhan bersubahat dengan pengurus besar KETENGAH, Datuk Alwi Sa'id melakukan pecah amanah melibatkan RM2 juta pada 1999.

Beliau juga didapati bersalah menipu Menteri Kewangan Kedua ketika itu Datuk Mustapa Mohamed dan para pegawai kementerian berkenaan dengan mendorong mereka supaya mempercayai, melalui satu permohonan pelaburan pada tahun yang sama, bahawa pelaburan KETENGAH yang berjumlah RM9 juta dalam penanaman pokok buah-buahan, penternakan ikan dan projek kemudahan rekreasi di Tasik Puteri, Bukit Besi, Dungun adalah berdaya maju. – Bernama